

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 14/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 8

Tajuk : Penjawat awam perlu waspada tawaran pinjaman wang

SELASA 14 MEI 2019 • SINAR HARIAN

ms 8

## Penjawat awam perlu waspada tawaran pinjaman wang

**KUANTAN** - Penjawat awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diingatkan agar lebih berwaspada dengan tawaran pinjaman mudah menjelang musim perayaan oleh ejen syarikat pemberi pinjaman.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, terdapat syarikat pemberi pinjaman terutamanya yang tidak berlesen mengaku mereka adalah ejen Angkasa yang boleh membantu penjawat awam atau kakitangan GLC memperoleh pinjaman segera bagi meringankan bebanan mereka.

Menurutnya, taktik digunakan wakil syarikat pemberi pinjaman wang ini ialah dengan menampalkan iklan dengan mendakwa mereka daripada koperasi tertentu dan boleh menguruskan pinjaman pembayaran balik melalui potongan gaji.

"Skim pinjaman dan pembayaran melalui potongan gaji ini hanya boleh dilakukan kepada kakitangan kerajaan atau GLC sahaja, jadi taktik mereka (ejen syarikat pemberi pinjaman wang) ialah dengan mendakwa wakil koperasi yang mempunyai kaitan dengan Angkasa dan boleh menguruskan permohonan pinjaman dibuat dengan mudah.

"Taktik ini memang sering dilaporkan dan digunakan setiap kali tiba musim perayaan, macam sekarang, kumpulan ini akan muncul kerana mereka tahu ramai akan memerlukan pinjaman keemasan bagi membuat persiapan Hari Raya.

"Kita memandang serius perkara ini kerana ejen terbabit menggunakan nama Angkasa dan mengingatkan orang ramai terutamanya penjawat awam supaya tidak terpedaya dengan iklan seumpama itu," katanya selepas menghadiri Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Kepada Anak Yatim di Masjid Felda Sungai Panching Timur kelmarin.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA